

**Malaysia Bakal Jadi Hab R&D Kedua Terbesar Untuk F-Secure
Bernama
8 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Malaysia telah bersedia untuk menjadi hab penyelidikan dan pembangunan (R&D) kedua terbesar untuk F-Secure Corp, sebuah syarikat perisian keselamatan global dari Finland, untuk memenuhi cabaran keselamatan yang kian meningkat dalam arena digital.

Presiden dan ketua pegawai eksekutif, Christian Fredrikson berkata syarikat menawarkan lebih 100 jawatan, terutamanya dalam kejuruteraan perisian dan penjagaan pengguna, bagi meningkatkan operasi serantaunya di sini.

"Kami memilih Malaysia untuk menjadi hab serantau kami atas beberapa sebab, antaranya, ketersediaan jurutera perisian yang bagus, kumpulan bakat pelbagai bahasa dan infrastruktur kelas dunia pada kos yang berdaya saing," kata beliau kepada pemberita pada majlis pembentangan rancangan perniagaan syarikat di sini Khamis.

Fredrikson berkata satu perlima daripada tenaga kerja global semasa syarikat berpangkalan di Malaysia.

Mengenai rancangan perniagaan, beliau berkata, F-Secure berhasrat mencapai pendapatan sebelum faedah dan cukai (EBIT) sebanyak 25 peratus pada akhir 2014 dan pertumbuhan pendapatan dua digit setiap tahun, dari tahun ini hingga 2014.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650872>